

# Seminar on Sabah Furniture Industry – A Potential Hub For Outdoor Furniture

Isnin, 21 Januari 2013 15:29



**- MALAY VERSION ONLY -**

YB TAN SRI BERNARD DOMPOK  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN  
“SEMINAR ON SABAH FURNITURE INDUSTRY – A POTENTIAL HUB FOR OUTDOOR FURNITURE”

DI HOTEL SUTERA HARBOUR, KOTA KINABALU, SABAH

ISNIN, 24 SEPTEMBER 2012

YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman  
Ketua Menteri Sabah

YBhg. Datuk Madius Tangau  
Pengerusi  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)

YBhg. Datin Paduka Nurmala Abd Rahim  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)

YBrs. Dr Jalaluddin Harun  
Ketua Pengarah MTIB

Dato'-Dato', Datin-Datin

Dif-dif Kehormat

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu, saya amat berbesar hati atas kesudian YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah untuk merasmikan Seminar on Sabah Furniture Industry – A Potential Hub For Outdoor Furniture pada pagi ini. Seminar yang julung kalinya dianjurkan oleh MTIB ini adalah hasil kerjasama antara MTIB dengan Majlis Kayu-kayan Malaysia (MTC), Majlis Promosi Perabot Malaysia (MFPC), Persatuan Industri Kayu-Kayan Sabah (STIA) dan Persatuan Perabot Sabah (SFA). Tahniah diucapkan kepada semua agensi yang terlibat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Antara tujuan penganjuran seminar ini adalah untuk membincangkan isu-isu terkini dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri perkayuan dan perabot di Sabah. Resolusi yang diperolehi daripada seminar hari ini dijangka akan membantu dalam menyusun strategi bagi menembusi pasaran perabot di peringkat antarabangsa. Selain itu, seminar ini juga merupakan satu medan percambahan fikiran dan idea bagi tujuan mengatur perancangan strategik ke arah memajukan industri perabot negeri Sabah. Seminar ini turut membuka ruang bagi mengkaji dan mengenal pasti peluang-peluang perniagaan di peringkat antarabangsa.

Secara tidak langsung ia turut membantu industri perabot dalam membina hubungan baik serta mengukuhkan rangkaian bersama agensi Kerajaan.

3. Sektor perkayuan merupakan salah satu sektor penting dalam perkembangan ekonomi negara. Sektor ini menyumbang kira-kira 3.0% atau RM20.03 bilion kepada pendapatan eksport negara tahun lalu dan menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 300,000 orang. Jumlah pelaburan dalam industri kayu-kayuan pada tahun lalu ialah sebanyak RM304.2 juta manakala pelaburan dalam industri perabot pula mencecah RM428.1 juta. Dari sudut pasaran eksport, Jepun merupakan pembeli terbesar kayu dan produk kayu dari Malaysia dengan jumlah RM4.6 bilion, diikuti oleh Kesatuan Eropah (EU) dengan jumlah RM2.3 bilion dan Amerika Syarikat berjumlah RM2.2 bilion. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2012, eksport produk kayu-kayuan telah mencecah RM9.8 bilion.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Dalam kedudukan global pula, Malaysia merupakan negara ke-lapan pengeksport perabot utama dunia. Sektor perabot telah menyumbang sebanyak 31% daripada jumlah keseluruhan eksport barangan kayu Malaysia pada tahun 2011 dengan nilai RM6.2 bilion. Pasaran utama eksport perabot kayu Malaysia tahun lalu ialah Amerika Syarikat iaitu sebanyak RM1.8 bilion, Jepun sebanyak RM775 juta dan Australia sejumlah RM418 juta. Bagi tempoh antara Januari hingga Jun tahun ini, eksport perabot kayu telah mencapai nilai RM3.25 bilion iaitu peningkatan sebanyak 11.3% berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

5. Tidak dapat dinafikan, pasaran eksport memang amat penting kepada Malaysia, namun begitu, pasaran tempatan juga memainkan peranan yang tidak kurang signifikannya. Dalam suasana suram ekonomi global pada hari ini terutamanya di pasaran Eropah dan Amerika Syarikat, pasaran tempatan menjadi sangat penting untuk diperkukuhkan kerana nilai pasaran tempatan kini adalah bernilai kira-kira RM13 bilion. Sehubungan itu, aktiviti pemasaran dan promosi untuk meningkatkan penggunaan kayu di pasaran tempatan perlu dipergiatkan.

6. Dari segi sumbangan eksport mengikut wilayah, eksport perabot kayu dari Semenanjung Malaysia direkodkan pada RM6.13 bilion atau 98.8% daripada keseluruhan eksport. Ini diikuti oleh Sabah sebanyak RM43.1 juta atau 0.7% dan Sarawak sebanyak RM29.0 juta atau 0.5% dari keseluruhan eksport perabot kayu pada 2011. Dalam rekod terkini, terdapat kira-kira 2,260 pengusaha perabot dan kilang kerja kayu di Malaysia, dan hanya 1.3% atau 29 daripadanya merupakan pengusaha dari Sabah. Daripada jumlah ini, hanya kira-kira 4 syarikat utama dari Sabah sahaja yang terlibat dalam bidang eksport perabot. Jumlah ini menunjukkan bahawa sumbangan dan penglibatan pengusaha perabot dari Sabah dalam industri perkayuan masih lagi rendah, namun berpotensi besar untuk dibangunkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan industri berasaskan kayu, Kementerian melalui Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) telah mensasarkan untuk mencapai RM53 billion pendapatan eksport kayu dan produk kayu negara menjelang tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, RM16 bilion daripadanya disasarkan untuk pengeksportan perabot. Sejajar dengan sasaran ini, pelbagai strategi dan pelan tindakan telah digariskan untuk dilaksanakan di bawah NATIP. Salah satu strategi NATIP ialah dari aspek pemasaran dan promosi produk. Dalam hal ini, MTIB, MTC dan MFPC telah menyediakan pelbagai program khusus untuk membangun dan mempromosikan produk pengusaha perabot di dalam dan di luar negara. Perkara ini termasuklah penyertaan dalam misi-misi perdagangan ke luar negara, seminar dan taklimat semasa berkaitan pembangunan industri perabot dan juga pameran-pameran perdagangan perabot di peringkat domestik mahu pun di peringkat antabangsa.

8. Walaupun sumbangan eksport perabot oleh negeri Sabah dianggap masih kecil, namun negeri ini mempunyai potensi yang besar untuk meningkatkan sumbangannya dalam industri perabot. Ini adalah kerana, sumber bahan mentah dan guna tenaga di Sabah dipercayai dapat menampung keperluan industri ini. Saya percaya Kerajaan Negeri juga memberi sokongan penuh terhadap usaha-usaha membangunkan industri ini.

9. Lantaran itu, dalam usaha meningkatkan sumbangan pengusaha industri perabot, Kerajaan menggalakkan penekanan kepada pembangunan produk yang inovatif, menitikberatkan reka bentuk dan kualiti perabot. Dalam konteks ini, Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) yang ditubuhkan oleh MTIB di

Kota Kinabalu Industrial Park akan meneruskan usaha bagi memantapkan program latihan tenaga pekerja industri perkayuan supaya golongan muda menjadi pekerja mahir dan berupaya menjalankan operasi pengeluaran produk-produk kayu secara berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Selaras dengan permintaan reka bentuk perabot yang inovatif, industri perabot juga digesa untuk meningkatkan pembuatan perabot berasaskan Original Equipment Manufacturing (OEM) kepada Original Design Manufacturing (ODM). Untuk makluman, MTIB sedang menyediakan Design Roadmap yang menggariskan strategi-strategi tertentu untuk membantu industri mempercepatkan pencapaian ke arah transformasi tersebut. Di samping itu, MTIB juga telah membangunkan Timber Market Information System, iaitu malaysianwood.net sebagai salah satu medium pemasaran dan perdagangan atas talian (online). Sistem ini akan memenuhi keperluan industri dan memudahkan pemasaran produk kayu-kayan tempatan. Oleh yang demikian, para pengusaha perkayuan digalakkan untuk memanfaatkan medium ini sebagai salah satu usaha meluaskan pasaran.

11. Dalam usaha meningkatkan eksport perabot ke pasaran antarabangsa, keperluan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan antarabangsa adalah penting sekali. Isu-isu berkaitan aspek 'produk hijau', 'legality' dan 'sustainability' bagi produk kayu-kayan semakin mendapat perhatian. Perkembangan terkini di peringkat antarabangsa seperti penguatkuasaan Lacey Act di Amerika Syarikat, EU Timber Regulation mulai Mac 2013 serta Australian Illegal Logging Bill 2011 perlu diberi perhatian oleh para pengeksport, terutamanya dalam memastikan kayu yang diperolehi adalah dari sumber yang sah.

12. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua penceramah jemputan, para peserta seminar terutamanya wakil industri, para spesifiers, serta wakil-wakil dari agensi Kerajaan dan swasta yang turut serta dalam seminar pada hari ini. Saya amat berbesar hati dengan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, juga antara pihak industri dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dalam merealisasikan seminar pada hari ini dan berharap kerjasama strategik ini akan berterusan pada masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi